

Newspaper	Berita Harian
Date	21 August 2015



dasar serta pendekatan mesra pasaran yang dilaksanakan oleh kerajaan dan mereka menyenangi.

Katanya, sektor swasta juga sedar faktor luaran yang menyebabkan ringgit jatuh.

"Saya tidak mengatakan bahawa isu domestik tidak menjejaskan ringgit, namun saya nyatakan sebab utamanya ialah pengukuhan ketara dolar, yang turut menjejaskan semua mata wang lain.

"Kita hampir menyamai Australia dan New Zealand dari segi prestasi penyusutan, termasuk yuan," katanya.

#### Pelaburan masih kukuh

Ditanya sama ada ketidaktentuan pergerakan semasa ringgit menjejaskan pelaburan ke Malaysia, Najib berkata pelaburan masih kukuh.

"Kita harap mereka (pelabur) dapat melihat jangka masa pendek dan panjang di mana pengukuhan ekonomi, penyepaduan fiskal, bajet seimbang dan pembaharuan, akan memastikan kesan ekonomi lebih mantap," katanya.

Najib juga menggalakkan syarikat Malaysia supaya menggunakan produk tempatan dalam berdepan kelemahan ringgit ketika ini.

Malah, beliau juga menyeru syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat korporat membawa pulang aset boleh cair mereka ke Malaysia.

Beliau turut meminta industri pelancongan membuat pemasaran secara agresif dan memanfaatkan kedudukan semasa ringgit.

Ditanya sama ada paras semasa ringgit kompetitif untuk perniagaan tempatan dan luar negara, Najib berkata, ada sektor akan memperoleh manfaat, sementara sektor yang terlalu bergantung terhadap import berada pada kedudukan yang lebih sukar.

Ditanya sama ada ringgit mampu mengukuh semula, Najib berkata, ia bergantung kepada faktor luar.

# Tiada keperluan tambat ringgit: PM

BH-21/8/2015

## » Asas, struktur ekonomi semasa negara kukuh

Oleh Magendran Rajagopal dan Mahanum Abdul Aziz  
bhnews@bh.com.my

### Putrajaya

**K**erajaan tidak akan mengenakan kawalan modal atau menambat ringgit kepada dolar Amerika Syarikat (AS), kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, kejatuhan semasa ringgit adalah sebahagian besarnya oleh faktor luaran, khususnya pe-

ngukuhan ketara dolar AS.

Katanya, kerajaan tidak perlu melaksanakan langkah itu memandangkan asas dan struktur ekonomi semasa negara adalah kukuh dan persekitaran adalah berbeza ketara berbanding ketika krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998.

#### Dasar mesra pasaran.

"Kerajaan sentiasa peka terhadap integrasi ekonomi negara dengan ekonomi global. Oleh itu, kerajaan tetap komited terhadap dasar mesra pasaran.

"Kerajaan komited dalam mengekalkan integriti dan keterbukaan pasaran serta tidak akan mengenakan kawalan modal dan tidak akan melaksanakan tambatan ringgit ke-

pada dolar AS," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Muhammad Ibrahim.

Mengenai maklum balas sektor swasta terhadap ekonomi Malaysia, Najib berkata, sektor swasta sedar dan memahami

**"Kejatuhan semasa ringgit adalah sebahagian besarnya oleh faktor luaran, khususnya pengukuhan ketara dolar AS"**

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri